

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN
[MUAR]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan penyertaan perokok yang ingin berhenti merokok ke dalam program berhenti merokok seperti mQuit dan sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak KKM telah mengambil **tiga langkah utama** bagi meningkatkan jumlah penyertaan perokok yang ingin berhenti merokok ke dalam program berhenti merokok iaitu:

- i. **Meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan** berhenti merokok dengan memperluaskan perkhidmatan di klinik kesihatan dan hospital KKM yang menjalankan rawatan berhenti merokok serta menjalinkan kerjasama pintar bersama perkhidmatan swasta dalam menjalankan perkhidmatan berhenti merokok;
- ii. **Menjalankan aktiviti promosi** bagi menghebahkan perkhidmatan berhenti merokok melalui media cetak dan media sosial; dan

- iii. **Menyediakan laman sesawang khusus** iaitu portal jomquit.com melalui kerjasama pintar antara agensi swasta dan badan profesional bagi memudahkan interaksi serta pendaftaran ke perkhidmatan berhenti merokok mQuit.

2. Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit telah diperluaskan bagi meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan berhenti merokok bukan sahaja di klinik kesihatan dan hospital kerajaan malahan ke perkhidmatan swasta selaras dengan Artikel 14, *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)*. Perkhidmatan berhenti merokok di perkhidmatan swasta dijalankan secara perkongsian pintar di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan badan professional, badan bukan kerajaan dan agensi swasta dalam menggalakkan pendaftaran perokok terutama di sektor pekerjaan melalui sistem rangkaian khusus atau *Uberization*

3. Bagi menggalakkan penyertaan perokok ke Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit, informasi berkaitan pautan ke laman sesawang '**jomquit**' telah dilaksanakan melalui paparan khusus di papan tanda larangan merokok. Papan tanda larangan merokok ini telah dipamerkan di semua tempat-tempat larangan merokok. Sehingga kini, lebih 100,000 keping tanda larangan merokok baharu telah diedar dan dipamerkan di seluruh negara.

4. Selaras dengan situasi semasa pandemik COVID-19, informasi berkaitan merokok dan jangkitan COVID-19 dan cara penyertaan kepada Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit juga telah dimuatnaik melalui aplikasi MySejahtera.

5. Selain itu, bagi memudahkan akses ke pendaftaran Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit, satu laman sesawang khusus iaitu portal '**jomquit.com**' telah dibangunkan menerusi kerjasama pintar bersama-sama agensi swasta dan badan profesional. Capaian portal jomquit.com ini juga telah di masukkan di bawah aplikasi MySejahtera.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kesemua langkah-langkah yang telah dijalankan di atas telah menunjukkan keberkesanan seperti berikut:

- a. Jumlah perokok yang mendaftar bagi mendapatkan rawatan berhenti merokok telah meningkat daripada 10,240 orang pada tahun 2017 kepada 20,032 orang pada tahun 2018 dan seterusnya kepada 22,601 orang pada tahun 2019.
- b. Melalui promosi penggalakkan berhenti merokok semasa pandemik COVID-19, seramai lebih 3,442 orang telah mendaftar melalui laman sesawang Jomquit bermula 1 Januari 2020 sehingga 21 Oktober 2020 berbanding dengan keseluruhan tahun 2019 iaitu seramai 1,678 orang perokok.
- c. Daripada jumlah pendaftaran pada tahun 2020 (3,422), sebanyak 3,254 orang atau 95% telah mendaftar sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020.

7. Kesemua langkah-langkah yang dinyatakan telah dilaksanakan oleh rakan kongsi strategik Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit tanpa sebarang implikasi kewangan kepada Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih.